

TERJEMAHAN BAHASA INGGERIS KEPADA
BAHASA MANDARIN TENTANG WANITA
DALAM BERITA BERNAMA: SATU KAJIAN
KEPADANAN LEKSIKAL, PENGARUH KONVENSI
PEMBERITAAN DAN MESEJ (MAKNA)

LEE BEE YEOW

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2011

TERJEMAHAN BAHASA INGGERIS KEPADA
BAHASA MANDARIN TENTANG WANITA
DALAM BERITA BERNAMA: SATU KAJIAN
KEPADANAN LEKSIKAL, PENGARUH KONVENSI
PEMBERITAAN DAN MESEJ (MAKNA)

oleh

LEE BEE YEOW

Tesis yang diserahkan
untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera

Januari 2011

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia utama saya, Prof. Madya Hasuria Che Omar yang telah banyak memberi panduan yang amat membina dan bimbingan dalam penghasilan tesis ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Dr. Goh Sang Seong penyelia bersama yang juga memberikan idea bernas tentang tesis ini, khususnya dari segi analisis yang berkaitan dengan bahasa Mandarin.

Penghargaan ini juga adalah untuk Dr. Rokiah Awang, Dr. Haslina Haroon and Dr. Aniswal Abd. Ghani yang sudi membenarkan saya untuk turut menghadiri kuliah mereka dengan pelajar ijazah pertama. Terima kasih kepada pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan saya di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK) yang sudi berkongsi pengalaman dan tunjuk ajar.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Profesor Chan Chee Khoo yang memberi peluang kepada saya untuk membantu dalam penyelidikan di Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita (KANITA) yang seterusnya membolehkan saya mendalami pengetahuan tentang penyelidikan dan isu gender dalam suasana kerja sambil belajar. Selain itu, tidak juga dilupakan penghargaan untuk Profesor Datin Rashidah Shuib, Pengarah KANITA yang senantiasa menggalakkan saya untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti. Terima kasih juga kepada semua staf akademik dan rakan seperjuangan saya di KANITA yang pernah membantu dan menyedarkan saya tentang kepentingan isu-isu gender dan pergerakan wanita Malaysia.

Penghargaan ini juga adalah untuk kepada Dr. Diana Wong, Dr. Meryl William, Dr. Cecilia dan staf akademik yang terlibat dalam bengkel penulisan KANITA yang telah memberikan banyak tunjuk ajar dan berkongsi idea hebat untuk menghasilkan penulisan

yang baik dalam tesis mahupun jurnal. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Cik Gan Pek Har yang sudi meluangkan masa beliau untuk membantu saya memeriksa dan memperbetulkan terjemahan dalam tesis ini.

Penghargaan ini juga untuk semua sahabat baik saya dan Encik Donovan Lai Kien Hou yang sering memberi dorongan dan sokongan yang tak terhingga kepada saya untuk meneruskan pengajian saya sehingga saya menjayakan kajian ini. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga saya yang sentiasa menyokong dan menggalakkan dalam penghasilan tesis ini.

SENARAI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Senarai Rajah	vi
Senarai Singkatan dan Simbol	vii
Abstrak	viii
<i>Abstract</i>	x
1.0 PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian dan Pernyataan Masalah	1
1.1.1 Sejarah Perkembangan Penterjemahan di Malaysia	10
1.1.2 Latar Belakang Penterjemahan Teks Berita di Malaysia	13
1.1.3 BERNAMA	14
1.1.4 Kajian-kajian Lepas	17
1.1.5 Kajian Gender dan Penterjemahan	20
1.1.6 Pernyataan Masalah	20
1.2 Objektif Kajian	23
1.3 Persoalan Kajian	23
1.4 Bidang Kajian	23
1.5 Kerangka Teori Secara Umum	24
1.6 Kaedah Kajian	26
1.6.1 Sumber Data	28
1.6.2 Prosedur Analisis	29
a. Analisis Item Leksikal Yang Mempunyai Elemen Gender	29
b. Analisis Skema Berita	30
c. Analisis Arah Pemberitaan	31
d. Tinjauan Persepsi Pembaca	31
1.6.3 Pemilihan Sampel Data	32
1.7 Skop dan Batasan Kajian	33
1.8 Sumbangan Kajian	33
1.9 Organisasi Bab dalam Tesis	34
2.0 TINJAUAN BACAAN DAN KERANGKA TEORI	36
2.1 Pengenalan	36
2.2 Tinjauan Bacaan	36
2.2.1 Penghasilan Berita	37
2.2.2 Organisasi Media dan Kandungan Berita	40
2.2.2.1 Faktor Struktur dan Organisasi Media terhadap Kandungan Berita	40
2.2.2.2 Pengawalan dan Pemilikan	43
2.2.3 Perkembangan Berita dalam Talian Malaysia	44
2.2.4 Nilai Berita	45
2.2.5 Berita tentang Wanita	45
2.2.6 Bahasa Media Berita	47
2.2.7 Seksis (Gender) dalam Bahasa Inggeris	50
2.2.7.1 Gender dalam Bahasa Inggeris	52
2.2.7.2 Kata Ganti Nama dengan Rujukan Personal	53
2.2.8 Seksis (Gender) dalam Bahasa Mandarin	54
2.2.9 Penterjemahan dan Berita	61
2.3 Kerangka Teori	66
2.3.1 Pendekatan Terjemahan Komunikatif oleh Newmark (1981, 1988)	66
2.3.2 Pendekatan Terjemahan Fungsian oleh Nord (1997)	69

2.3.2	Pendekatan Penulisan Berita oleh Mencher (1981) dan Hasuria (2001)	71
2.3.4	Pendekatan Bahasa Media oleh Fowler (1991)	74
2.3.5	Pendekatan Media oleh McQuail (2005)	75
2.3.6	Teori Kumpulan Miut oleh Kramarae (2004)	77
2.3.7	Pendekatan tentang Bahasa dan Gender oleh Rider (2000)	79
	a. Kata Ganti Nama Maskulin Generik	79
	b. Perkataan terkandung 'man'	80
	c. Kata Penerang Gender	80
2.3.8	Pendekatan Terjemahan Berasaskan Makna oleh Larson (1984)	81
2.4	Kesimpulan	83
3.0	PENTERJEMAHAN ITEM LEKSIKAL YANG MEMPUNYAI ELEMEN GENDER	87
3.1	Pengenalan	87
3.1.1	Item Leksikal Yang Mempunyai Elemen Gender	87
	3.1.1.1 Kata Ganti Nama	88
	a. Penggunaan Kata Ganti Nama Tidak Sepadan	89
	b. Penggunaan Kata Ganti Nama Sepadan	94
	3.1.1.2 Kata Penerang Gender	98
	3.1.1.3 Perkataan Pejoratif	104
	3.1.1.4 Tinjauan Persepsi Pembaca	110
	3.1.1.5 Perbandingan Analisis Penterjemahan Item Leksikal Yang Mempunyai Elemen Gender dengan Dapatan Tinjauan Persepsi Pembaca	114
3.2	Kesimpulan	116
4.0	SKIMA BERITA	120
4.1	Pengenalan	120
	4.1.1 Ciri-ciri 5W1H	121
	4.1.2 Strategi Peletakan Maklumat Mengikut Peringkat	132
4.2	Kesimpulan	154
5.0	ARAH PEMBERITAAN	158
5.1	Pengenalan	158
5.2	Arah Pemberitaan	159
	5.2.1 Isu Pemimpin	160
	5.2.2 Isu Luar Biasa	170
	5.2.3 Keterlibatan Pemimpin Lelaki dalam Isu Berkaitan Wanita	178
5.3	Kesimpulan	183
6.0	KESIMPULAN	185
6.1	Pengenalan	185
6.2	Penterjemahan Elemen Gender Daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Mandarin dan Impaknya terhadap Hasil Terjemahan	187
6.3	Konvensi Pemberitaan BERNAMA yang Mempengaruhi Terjemahan Gaya Laporan Berita yang Mengandungi Elemen Gender	191
6.4	Laporan Berita yang Berat Sebelah tentang Isu-isu Wanita dalam Penterjemahan yang Dikaji dan Kesannya	193
6.5	Sintesis Analisis	195
6.6	Penilaian Kerangka Teori yang Digunakan	196
6.6	Cadangan Kajian Masa Depan	198
	BIBLIOGRAFI	199
	LAMPIRAN	

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Pemetaan kerangka teori.....26
Rajah 2.1	Pemetaan hubungkait disiplin-disiplin dengan kajian penterjemahan (diubah suai daripada Hatim & Munday, 2004:8).....37
Rajah 2.2	Aliran sebuah laporan berita di bilik berita kecil: <i>Medialink</i> , perkhidmatan berita industri primer di Wellington New Zealand (diubah suai daripada Bell, 1991:35).....39
Rajah 2.3	Organisasi media massa: analisis tahap (diubah suai daripada McQuail, 2005:280).....41
Rajah 2.4	Ringkasan corak kompleks kelas gender (diubah suai daripada Greenbaum dan Quirk, 1990:100).....54
Rajah 2.5	Perubahan perkataan 女 <i>nü</i> (wanita) daripada ideografik sehingga perkataan mudah (diubah suai daripada Tan, 2005).....56

SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

Singkatan

OANA	<i>Organization of Asian News Agencies</i>
ASEAN	<i>Association of South East Asian Nations</i>
AFP	<i>Agence France Presse</i>
AP	<i>U.S. Associated Press</i>
IPS	<i>Italy's Inter Press Service</i>
UPI	<i>U.S. United Press International</i>
NST	<i>The New Straits Times</i>
CDA	<i>Critical Discourse Analysis/Analisis Wacana Kritis</i>
BI	Bahasa Inggeris
BMn	Bahasa Mandarin
TS1	Teks Selari 1
TS2	Teks Selari 2
ISA	<i>Internal Security Act/Akta Keselamatan Dalam Negeri</i>
MSC	<i>Multimedia Super Corridor/Koridor Raya Multimedia</i>
5W1H	<i>What, Why, When, Where, Who, How</i>
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i>
Umno/UMNO	<i>United Malays National Organisation/Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu</i>

Simbol

/x/	satu perkataan dalam glos daripada terjemahan BMn
~~~~~	perkataan yang digarisi garisan bergerigi adalah pinyin
X	perkataan yang dihitamkan merupakan perkataan yang perlu diberi perhatian dalam teks dan data
∅	digugurkan atau tidak diterjemahkan
↗	pemindahan teks



**TERJEMAHAN BAHASA INGGERIS KEPADA BAHASA MANDARIN**  
**TENTANG WANITA DALAM BERITA BERNAMA: SATU KAJIAN**  
**KEPADANAN LEKSIKAL, PENGARUH KONVENSI PEMBERITAAN DAN**  
**MESEJ (MAKNA)**

**ABSTRAK**

Tesis ini mengkaji mesej terjemahan berita dalam talian yang mengandungi item leksikal yang mempunyai elemen gender, persembahan penulisan berita dan penstrukturan mesej berita yang mempengaruhi arah pemberitaan. Pendekatan analisis yang digunakan terdiri daripada pendekatan media, pendekatan bahasa media, pendekatan penulisan berita, pendekatan gender dan pendekatan penterjemahan. Analisis memusatkan kepada penggunaan item leksikal yang mempunyai elemen gender dalam teks selari dua bahasa, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin. Sampel kajian ini terdiri daripada 30 berita dalam talian oleh BERNAMA.com pada 2008 yang berkaitan dengan isu wanita. Analisis deskriptif dilakukan bagi ketiga-tiga kategori analisis, iaitu item leksikal yang mempunyai elemen gender, skema berita dan arah pemberitaan. Ketiga-tiga kategori analisis ini dikaji dari segi kesan mesej yang dihasilkan daripada pendekatan terjemahan yang digunakan dan peletakan maklumat berita.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat pelaporan yang berat sebelah terhadap berita yang mengandungi item leksikal berkaitan dengan wanita. Keadaan yang sama juga berlaku dalam terjemahan yang dihasilkan. Padanan item leksikal yang mempunyai elemen gender yang tidak sepadan dan strategi penterjemahan yang digunakan dalam teks selari dua (TS2) memberi impak terhadap mesej berita, dan kebanyakannya impak negatif dan mengalami kehilangan makna TS1. Namun, kebanyakan item leksikal yang mempunyai elemen gender diterjemahkan mengikut makna perkataan asal, namun begitu, makna asal perkataan itu

sendiri sebenarnya telah membawa makna yang berat sebelah. Tinjauan pendapat pembaca yang dilakukan untuk mengesan berat sebelah penggunaan item leksikal yang mempunyai elemen gender menunjukkan pembaca sedar akan penggunaan item leksikal yang mempunyai elemen gender, terutamanya kata ganti nama diri orang ketiga dalam TS2. Tinjauan pendapat pembaca turut menunjukkan kekeliruan wujud dengan percampuran penggunaan 他 *ta* (*he*) dan 她 *ta* (*she*) untuk merujuk wanita, walaupun kebanyakan pembaca berpendapat 他 *ta* adalah neutral dengan penggunaannya yang boleh digunakan untuk merujuk makna maskulin dan feminin. Analisis dan tinjauan pendapat pembaca telah menunjukkan keadaan berat sebelah penggunaan item leksikal yang mempunyai elemen gender ini merupakan amalan yang dikekalkan sejak dahulu lagi dan penerimaan penggunaan sebegini walaupun telah berubah tetapi masih dalam keadaan yang kurang peka.

Praktis skema berita yang berasaskan prinsip 5W1H dan peletakan maklumat yang berdasarkan struktur piramid songsang turut memperlihatkan pelaporan berat sebelah dengan penggunaan elemen gender pada tahap yang kurang peka terhadap kepadanan maklumat dan makna. Walau bagaimanapun, strategi penterjemahan yang digunakan dalam TS2 adalah bersesuaian untuk menepati fungsi berita dan fungsi teks terjemahan untuk pembaca sasaran. Selain itu, makna teks berita daripada teks sumber dan teks terjemahan telah diteliti untuk mengesan arah pemberitaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa corak penulisan teks sumber (TS1) dan teks terjemahan (TS2) adalah sepadan dengan makna asal cuba dikekalkan walaupun masih terdapat kehilangan makna yang tidak dapat dielakkan dalam TS2. Oleh yang demikian, makna berita asal terjejas dan keadaan ini secara tidak langsung turut menjejaskan arah pemberitaan. Namun, dapatan kajian telah menunjukkan kebanyakan data mengekalkan arah pemberitaan asal daripada TS1 dalam TS2.

**THE TRANSLATION FROM ENGLISH INTO MANDARIN ON WOMEN IN  
BERNAMA ONLINE NEWS: A STUDY ON LEXICALS EQUIVALENCES,  
INFLUENCES ON NEWS CONVENTION AND MESSAGE (MEANING)**

**ABSTRACT**

The thesis studies the messages of the online news translation which contains gender-element lexical items, news presentation, news messages structures which affect the news direction. A number of research approaches are used in this study, ranging from media theory, media language, news writing, gender and translation. The focus of the analysis is on the lexical items which contain gender-element in English and Mandarin parallel texts. The study involves 30 online news on women issues extracted from BERNAMA.com in 2008. The descriptive analysis was carried out for three categories of analyses, i.e. gender-element lexical items, news scheme and news direction. The analyses are done to determine the impact on the messages produced from the translation methods and the similarity of news positioning in both languages.

The findings show that the biasness occurred in the news reporting and its translation, particularly on the lexical items with gender elements. The inequivalences of gender-element lexical items in both languages also have negative impacts on the news messages. Most of the gender-element lexical items seem to have been translated literally and a survey on readers' perception to identify the biasness usage of gender-element lexical items shows that readers are aware of the occurrence of gender-element lexical items in the text, particularly third person pronoun used in the target text. The survey also shows the readers agreed with the confusion occurred due to the mixed usage of 他 *tā* (*he*) and 她 *tā* (*she*) which refers to women. However, the majority of the readers viewed 他 *tā* as a gender neutral-word which could refer to either masculine or feminine. Even though biasness in the

usage of gender-elements lexical items has occurred for a long time, readers still have low awareness towards this particular occurrence.

The practical usage of the news scheme based on the 5W1H principle and the positioning of the information according to the inverted pyramid also show that gender biasness reporting still exists in the news and the translation. However, the translation methods adopted in TS2 are relevant to fulfil the function of the news and translation meant for target readers. Besides, a comparison is also carried out on source and target texts to examine the tendency of the news reporting. The findings show that the writing pattern of the source text (first parallel text) and its parallel texts translation (second parallel text) is similar and most meanings are retained although lost of meaning in TS2 is inevitable. Therefore, the original meaning of the news is affected and it indirectly affected the news direction. Nevertheless, the findings show most data retain the original news tendency, either in TS1 or TS2.

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN DAN PERNYATAAN MASALAH

Sejarah pemberitaan bermula dengan diktator Republik Rom, Julius Caesar mengarahkan pegawai-pegawainya memaparkan *Acta Diurna* yang pada asalnya merupakan buletin kerajaan di tempat ramai untuk menyampaikan kejadian penting aktiviti sosial dan politik kepada rakyat sekitar 59 S.M.¹ Sekitar (618-906 TM), Dinasti T'ang juga menerbitkan sebuah warta yang berupa tulisan tangan atau diukir pada ketulan kayu untuk menyampaikan aktiviti-aktiviti kepada mahkamah rasmi (Mencher, 1981). Dengan menyusuli sejarah perkembangan media, sama ada daripada pencipta atau taikun dalam bidang media, kumpulan yang terlibat secara langsung ialah golongan lelaki; antaranya Johann Gutenberg yang menciptakan akhbar penerbitan pada tahun 1477, William Randolph Hearst, Joseph Pulitzer dan Lord Northcliffe yang amat berpengaruh dalam empayar penerbitan antara tahun 1890 sehingga 1920.²

Pada zaman dahulu, akhbar selalu dimiliki oleh golongan yang dikenali sebagai taikun akhbar (*press barons*). Mereka mempunyai pengaruh yang kuat dan sering menggunakan akhbar sebagai alat propaganda mereka. Keadaan ini bukan sahaja berlaku pada masa lampau, tetapi masih berlaku sehingga kini. Di Malaysia misalnya, media tempatan dimiliki oleh golongan lelaki, antaranya ialah Koperasi Media Sinchew yang dimiliki oleh Tiong Hiew King yang juga telah memiliki *Nanyang Siang Pau* dan *China Press* yang asalnya merupakan milikan Huaren Holdings³. Selain itu, *The Star* yang majoritinya dimiliki oleh

---

¹ Bahan internet daripada <http://www.wan-press.org/article2821.html> (Tarikh capai: 8 April 2009).

² Bahan internet daripada <http://www.wan-press.org/article2821.html> (Tarikh capai: 8 April 2009).

³ Huaren Holding ialah salah satu harta Persatuan Cina Malaysia (MCA). Maklumat mengenai Koperasi Media Sinchew didapati daripada <http://www.rhg.com.my/business/media/index.html> (Tarikh capai: 25 Mei 2009).

MCA⁴, *New Straits Times Press*, Utusan Melayu, TV3, NTV7, 8TV, TV9, *Hot FM*, *Fly FM* dan sebagainya dimiliki oleh Media Prima yang mempunyai hubungan politik dengan UMNO.⁵ Parti-parti utama yang terlibat juga memaparkan penglibatan wanita, selalunya ditubuhkan sebagai parti sayap khas. Walau bagaimanapun, majoriti pemutus kata dalam parti-parti itu tetap lelaki. Fenomena ini adalah amat berkaitan dengan kuasa, ekonomi dan pentadbiran. Menurut McQuail (2005), tahap pengawalan media oleh sebuah negara atau masyarakat bergantung kepada kemunasabahan pelaksanaannya lantas dapat dilihat bahawa perbezaan intermedia berkaitan dengan pengawalan politik. McQuail (2005) berpendapat kebebasan bermaksud kurang pengawalan dan hanya bersifat pengawasan sahaja. Media yang selalunya menyentuh tentang isu-isu semasa akan mendapat perhatian daripada pihak kerajaan berbanding dengan media yang mensensasikan hiburan.

Menurut K. Das (1990), kawalan pemilikan akhbar yang mempunyai edaran luas oleh parti politik dan kerajaan bukanlah satu kebetulan. Kejadian penyingkiran editor *The New Straits Times* semasa Krisis Musa Hitam pada 1986 merupakan satu contoh yang baik untuk menjelaskan kawalan pemilikan media yang mengongkong kebebasan akhbar. *The New Straits Times* dengan memaparkan berita yang menyatakan bahawa Dr. Mahathir yang terlibat dalam krisis tersebut akan menjelaskan kejadian itu pada dada akhbar telah mencabar kuasa Dr. Mahathir, justeru menyebabkan penyingkiran editor itu berlaku (K. Das, 1990). Penyingkiran sebegini adalah perkara yang besar dalam bidang media, namun perkara ini tidak menjadi berita utama dalam akhbar, akan tetapi peristiwa itu diketahui oleh semua wartawan. Tiada bantahan daripada para wartawan dan juga Persatuan Wartawan Kebangsaan (*NUJ*), dan perkara sebegini diterima secara biasa sahaja (K. Das, 1990). Menurut K. Das (1990) lagi, pemilikan akhbar oleh parti politik yang hanya ingin mempromosi gambaran pihak mereka sahaja tidak menggalakkan integriti wartawan kerana

---

⁴ MCA ialah singkatan nama bagi Malaysian Chinese Association. Carta pemimpin parti boleh didapati daripada <http://www.mca.org.my/English/Leadership/Pages/MCACentralCommitteeMembers.aspx> (Tarikh capai: 25 Mei 2009).

⁵ Bahan internet daripada <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2007/1/9/nation/16512082&sec=nation> (Tarikh capai: 20 April 2010). UMNO/Ujno merupakan singkatan nama bagi *United Malays National Organisation*. Latar belakang parti boleh didapati daripada <http://umno-online.com/> (Tarikh capai: 25 Mei 2009).

kawalan pemilikan meletakkan wartawan dalam keadaan yang senantiasa tertekan. Maka, wartawan akan cuba menulis untuk memuaskan hati pihak atasan untuk menjamin kepentingan organisasi dan individu bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan seperti yang menimpa pada editor *The New Straits Times* dalam Krisis Musa Hitam 1986.

Walaupun bagaimanapun, peranan wanita semakin menampakkan peningkatan, terutamanya dalam organisasi media. Misalnya di peringkat dunia, kebelakangan ini, majalah *Forbes* mengeluarkan satu senarai 100 wanita berkuasa antarabangsa.⁶ Selain daripada wanita yang terlibat dalam politik seperti Michelle Obama, Hillary Clinton, Angela Merkel dan lain-lain lagi, wanita juga berkuasa dalam perniagaan, media dan cara hidup. Antara mereka yang terkenal ialah Irene Rosenfeld, Indra Nooyi, Oprah Winfrey, Sarah Palin, Angelina Jolie dan Beyonce Knowles dan lain-lain lagi. *The Malaysian Women's Weekly Oktober 2010* turut menyatakan bahawa semakin ramai wanita memegang jawatan tinggi dalam pentadbiran negara, antaranya ialah Julian Gillard, Perdana Menteri Australia; Sheikh Hasina Wajed, Perdana Menteri Bangladesh; Li Bin, Pengarah Suruhanjaya Perancangan Keluarga dan Populasi Kebangsaan; Renho Murata, Menteri Pembaharuan Kerajaan Jepun; Lim Hwee Hua, Menteri Pejabat Perdana Menteri Singapura dan lain-lain lagi.

Di Malaysia, wanita terlibat dalam memegang jawatan yang tinggi telah menunjukkan perubahan yang semakin positif. Selain daripada berperanan sebagai anak, isteri orang, wanita juga berperanan sebagai tokoh, pemimpin, atlet, artis dan sebagainya. Dalam bidang politik, antara mereka yang banyak berusaha untuk pembangunan wanita ialah Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Sharizat Abdul Jalil. Pada tahun 2004, kementerian di bawah pimpinan beliau telah mencadangkan pelaksanaan 30% wanita memegang jawatan yang melibatkan pembuatan keputusan dalam sektor awam. Menurut *The Malaysian Women's Weekly Oktober 2010*, pelaksanaan ini telah memperlihatkan peningkatan sebanyak 3% wanita dalam pentadbiran dari tahun 2004 hingga tahun 2008,

---

⁶ Bahan internet daripada <http://www.forbes.com/wealth/power-women/list> (Tarikh capai: 9 Okt 2010).

manakala peningkatan sebanyak 13% dapat disaksikan dalam sektor swasta (TMWW, 2010). Selain itu ramai lagi wanita yang aktif dalam politik telah memberi sumbangan yang banyak untuk pembangunan negara, sama ada secara aktif atau tidak aktif dalam politik, antaranya ialah Datuk Seri Dr. Ng Yen Yen, Tan Seri Dr. Zati Akhtar Aziz, dan Datuk Zarinah Anwar. Selain itu, tokoh-tokoh wanita di Malaysia ialah Profesor Emeritus Datuk Dr. Asmah Omar, Felo Penyelidik Akademi Pengajian Melayu dan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya yang baru-baru ini dianugerah Tokoh Ilmuwan Bahasa Kebangsaan untuk jasa dan sumbangannya dalam memartabatkan bahasa kebangsaan Malaysia pada Bulan Bahasa Kebangsaan 2010 peringkat kebangsaan bertemakan ‘1Bahasa, 1Bangsa, 1Negara’⁷; Datuk Nicol Ann David pula telah berjaya menaikkan nama Malaysia dalam bidang skuasy di peringkat dunia, malah beliau merupakan pemain nombor satu dunia; Datuk Ambiga Sreenevasan, presiden wanita kedua Majlis Peguam Malaysia yang merupakan salah seorang daripada lapan wanita seluruh dunia yang menerima Anugerah Wanita Antarabangsa Keberanian pada Mac 2009 untuk sumbangannya terhadap wanita dan masyarakat (TMWW, 2010). Sementara itu, hasil inisiatif isteri Perdana Menteri Malaysia Datin Seri Rosmah Mansor, Sidang Kemuncak Wanita Pertama yang bertemakan ‘Anak Hari Ini, Pemimpin Hari Esok’, telah mengeluarkan satu deklarasasi yang meliputi tiga bidang iaitu pendidikan, keluarga dan komuniti dengan matlamat untuk mencapai sekurang-kurangnya satu objektif dalam setiap tiga bidang berkenaan.⁸ Sidang ini dihadiri oleh 15 orang Wanita Pertama, enam wakil Wanita Pertama dan 20 menteri. Deklarasi itu kemudiannya akan dikemukakan kepada Setiausaha Agung Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu.⁹ Deklarasi ini diharapkan diterima oleh Wanita-Wanita Pertama sebagai satu rangka kerja bagi kerjasama antarabangsa dan tindakan oleh negara masing-masing.

---

⁷ Bahan internet daripada [http://www.bharian.com.my/articles/Muhyiddinserukorporat_PBTperkasabahasakebangsaan/Article/](http://www.bharian.com.my/articles/Muhyiddinserukorporat_PBTperkasabahasakebangsaan/Article/) (Tarikh capai: 15 Okt 2010).

⁸ Bahan internet daripada <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=535118> (Tarikh capai: 14 Okt 2010).

⁹ Bahan internet daripada <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=534974> (Tarikh capai: 14 Okt 2010).



Artis seperti Datuk Siti Nurhaliza, Lee Sinje, Datuk Michelle Yeoh serta model antarabangsa Amber Chia dan Ling Tan bukan sahaja mencapai kejayaan cemerlang dalam kerjaya mereka, malah ada daripada mereka yang sempat lagi meluangkan masa untuk melakukan kerja sukarela dan kebajikan. Misalnya Lee Sinje menyertai pelbagai projek *World Vision* sejak dilantik sebagai duta organisasi tersebut pada 7 Februari 2009 (Utusan, 19/02/2009)¹⁰. Datuk Michelle Yeoh pula merupakan duta global untuk Kempen 'Jadikan Jalan raya Selamat' berperanan meminta kerajaan menyokong penyelesaian pengangkutan yang akan mengurangkan kadar kematian dan kecederaan yang tinggi akibat kemalangan jalan raya di rantau Asia dan Pasifik.¹¹ Selain itu, beliau juga menyokong *Wildaid* dalam *Asian Conservation Awareness Programme (ACAP)* untuk melindungi spesies haiwan terancam dan menyeru masyarakat agar tidak membeli produk yang dihasilkan daripada bahagian badan haiwan.¹²

Selain itu, dalam organisasi media, terdapat juga wanita memegang jawatan sebagai ketua pengarang, antaranya Siew Nyoke Chow¹³ yang memegang jawatan sebagai Pengarah Eksekutif dan juga ketua kumpulan pengarang (*Group Editor-In-Chief*) di Sin Chew Media Koperasi, Leanne Goh Lee Yen¹⁴ yang merupakan timbalan ketua kumpulan pengarang II dalam The Star Publication (Malaysia) Berhad, Salbiah Said¹⁵ dari BERNAMA yang memegang jawatan sebagai timbalan ketua kumpulan pengarang dalam perkhidmatan ekonomi dan lain-lain lagi yang dapat menyaingi kaum lelaki dalam pelbagai bidang.

---

¹⁰ Bahan internet daripada [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0219&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_03.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0219&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_03.htm) (Tarikh capai: 18 Okt 2010).

¹¹ Bahan internet daripada [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Jadikanjalanrayaselamat_MichelleYeoh/Article/index_html](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Jadikanjalanrayaselamat_MichelleYeoh/Article/index_html) (Tarikh capai: 18 Okt 2010).

¹² Bahan internet daripada [http://www.wpsi-india.org/news/acap_launch.php](http://www.wpsi-india.org/news/acap_launch.php) (Tarikh capai: 18 Okt 2010).

¹³ Bahan internet daripada <http://www.reuters.com/finance/stocks/officerProfile?symbol=0685.HK&officerId=1136691> (Tarikh capai: 9 Okt 2010).

¹⁴ Bahan internet daripada <http://starinvestorrelations.com/> (Tarikh capai: 11 Okt 2010).

¹⁵ Bahan internet daripada <http://www.bernama.com/aboutbernama/bi/detail/ed.htm> (Tarikh capai: 11 Okt 2010).

Selain itu, pengawalan dan pemilikan media amatlah berkait rapat dengan faktor tanggungjawab yang selalunya merujuk kepada pentadbiran negara dengan undang-undang yang ditetapkan untuk dipatuhi. Terdapat Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang digubal untuk memastikan aliran maklumat daripada pihak media adalah tidak 'berat sebelah' dan 'bertanggungjawab', terdapat juga Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (disemak 1972), Akta Rahsia Rasmi 1972 (Pindaan 1986) dan Akta Hasutan 1948 untuk membantu memastikan pengaliran maklumat oleh media terkawal bagi menjamin keselamatan dan ketenteraman Malaysia.

Selain itu, teknologi komunikasi telah menyumbang kepada pembentukan agenda media; media yang berbeza mempunyai agenda yang berbeza (Yu & Aikat, 2005). Hal ini menunjukkan pentingnya media membentuk agenda sosial. Berita merupakan sumber maklumat untuk masyarakat mengetahui tentang isu-isu penting negara, dan berita adalah penting kepada masyarakat untuk memperoleh ilmu pengetahuan yang baru. Maka tidak kira dalam apa jua bentuk, berita boleh digunakan dan dipergunakan untuk pelbagai tujuan, misalnya berita digunakan bagi memperkukuh tapak penjajahan; mengembangkan sayap penjajahan dan menyebarkan serta memantapkan penjajahan ekonomi, sosial, politik dan budaya; menyebarkan perdagangan; menggalakkan perkembangan kesusasteraan; menimbulkan kesedaran dan mendebatkan hal-hal berkaitan dengan sosio-politik-ekonomi rakyat dan negara ini; menyemai, menyokong dan menyemarakkan semangat perjuangan kemerdekaan ketika zaman penjajahan, dan sebagainya. Menurut Skidmore (1998), idea berita penting untuk diutarakan sebagai isu gender (*gendered*), dan idea itu perlu diteliti menerusi dua cara yang akhirnya berbalik semula kepada satu kesimpulan; pertama, berita sebagai produk yang mengutarakan isu ideologi; dan kedua, berita sebagai satu proses yang mengutarakan isu tentang struktur ketidakseimbangan (Skidmore, 1998: 205). Selain itu, Skidmore mendapati van Zoonen (1994) (dalam Skidmore, 1998) juga meneliti persoalan dalam wacana gender tentang sejauhmana pengenkodan gender dilakukan dalam penghasilan

media. Beliau turut mengutarakan soalan tentang kepentingan struktur gender yang dicadangkan wujud dalam empat tahap, iaitu individu, profesional, organisasi, dan institusi (Skidmore, 1998: 205). Dalam analisis van Zoonen (1994), tiga tahap yang dikajinya hanyalah untuk meneliti penglibatan wanita dalam bidang kewartawanan. Cuma pada tahap keempat iaitu tahap institusi, struktur berita isu gender ditekankan oleh van Zoonen yang menghubungkan politik-ekonomi dengan penentu penghasilan berita. Maka, merujuk kepada pemilikan dan kawalan media, tidak dapat dielakkan juga isu-isu gender diberi liputan yang berlainan. Keadaan ini jelas dilihat dengan pelbagai kajian media yang memberi tumpuan kepada berita dengan bentuk dan kandungan yang disediakan lebih berkecenderungan untuk golongan lelaki, misalnya politik, ekonomi, sukan dan sebagainya. Menurut Gallagher (2003) (dalam McQuail, 2005: 122), satu kajian antarabangsa dengan skala yang besar yang dijalankan oleh *Media Watch* (1995) menunjukkan hanya 17% subjek berita adalah wanita, dengan peratusan yang lebih rendah dalam berita bidang politik dan perdagangan.

Tampaknya berita memainkan peranan yang amat berpengaruh dalam kehidupan seharian masyarakat, dan bahasa yang digunakan sebagai medium untuk menyampaikan segala kandungan dalam berita memainkan peranan yang penting. Kajian tentang bahasa dan gender pula bukanlah satu bidang yang baru. Sherry Simon (1996) menyatakan bahawa selama bertahun-tahun, kritikan mengenai bahasa seksis telah beralih kepada tumpuan terhadap penggunaan ungkapan yang menunjukkan perlambangan kuasa kewanitaian dalam bahasa. Kewujudan dan penggunaan bahasa patriarkal dalam masyarakat merupakan satu bentuk eksploitasi terhadap wanita. Bahasa patriarkal dalam bahasa seperti bahasa Inggeris (BI) yang menjadi lingua franca akan terus mengembangkan kuasa komunikatif media dalam semua bidang. Perkara ini akan berterusan terutamanya di negara yang sesuatu bahasa itu bukan bahasa dominannya, seperti BI di Afrika Selatan, Singapura, Malaysia dan lain-lain lagi.

Di Malaysia, dengan kepelbagaian kaumnya, maka wujud kepelbagaian bahasa yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu maklumat. Kaedah penyampaian berita sebegini merupakan kaedah yang lazim digunakan dalam bidang media di negara ini. Bahasa yang digunakan untuk penghasilan bahan media terdapat dalam bahasa Melayu, BI, bahasa Mandarin (BMn), bahasa Tamil, bahasa Arab, bahasa-bahasa kaum bumiputera yang terdapat di Sabah, Sarawak dan seumpamanya. Dengan wujudnya kepelbagaian bahasa dalam penulisan berita, pemindahan maklumat antara bahasa telah berlaku pada masa yang sama. Kajian ini akan meninjau berita yang diperoleh daripada agensi Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) dalam BI dan BMn, khususnya berita-berita am yang diperoleh daripada talian internet. Kajian ini akan memberi tumpuan kepada berita-berita am dalam talian mengenai isu-isu wanita dalam bidang kemasyarakatan dan politik.

Menurut Anup (2010), pada zaman dahulu, wanita diletakkan pada status yang lebih rendah daripada lelaki. Hal ini kerana walaupun hak wanita telah diakui oleh kebanyakan negara, namun ramai lagi wanita yang didiskriminasi, misalnya dibayar kurang walaupun bekerja lebih masa daripada lelaki (Anup, 2010). Menurut Hamima Dona (1976), Malaysia mempunyai lebih banyak item dalam kategori iklan untuk wanita berbanding dengan kategori lain seperti dalam paparan politik dan sebagainya. Menurutnya lagi, wanita telah digunakan untuk menarik perhatian masyarakat dalam bidang perkhidmatan kapal terbang, bank, syarikat telefon dan juga pelbagai barangan berjenama, daripada kategori kereta hinggalah kepada gula-gula batuk. Iklan dalam akhbar Melayu telah menggunakan seorang pelakon wanita yang berdiri di sebelah tin gula-gula batuk *Kiss me*. Pemaparan ini secara tidak langsung membawa makna di sebaliknya, iaitu yang merujuk kepada mesej *Kiss me* terhadap pelakon wanita tersebut (Hamima Dona, 1976).

Mohd. Hamdan (1987) pula berpendapat, wanita dipaparkan secara negatif dalam iklan Malaysia. Kajian yang dijalankan oleh empat pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia ke atas empat majalah wanita iaitu *Jelita*, *Her World*, *Female* dan *Wanita* menunjukkan majalah

lebih menonjolkan penampilan fizikal wanita daripada keupayaan mental mereka. Keadaan ini menunjukkan terdapat pandangan stereotaip bahawa wanita adalah objek seks dan nilai mereka hanya diukur dengan peranan tradisional mereka sebagai isteri (Mohd. Hamdan, 1987). Menurutny lagi, keadaan eksploitasi wanita dalam majalah wanita adalah menyedihkan kerana pihak-pihak yang terlibat bukan sahaja tidak dapat menghentikan keadaan sedemikian malah telah secara senyapnya menerima dan memaparkan iklan yang bersifat seksis sebegitu.

Di Malaysia, walaupun akhir-akhir ini terdapat usaha untuk memberi layanan yang sama rata atau setaraf kepada lelaki dan wanita dalam pelbagai bidang, namun kita dapati bahawa penggunaan ungkapan yang berat sebelah masih terdapat dalam ucapan-ucapan kepada orang umum. Kesensitifan gender yang rendah di Malaysia dapat dilihat dalam sesi parlimen juga. Keahlian Parlimen Malaysia banyak terdiri daripada pemimpin lelaki, malah ada juga segelintir pemimpin lelaki yang seksis. Jeswan Kaur (2007) menunjukkan beberapa kes yang melibatkan ahli parlimen yang mengeluarkan kata-kata seksis dalam sesi parlimen. Antaranya seperti pada tahun 1995, Datuk Badruddin Amirulddin yang ketika itu merupakan Ahli Parlimen Yan mengibaratkan debat ketua pembangkang, Lim Kit Siang bagaikan 'wanita putus haid'. Badruddin juga mempersalahkan wanita kerana kejadian rogol dan berkata kejadian ini berpunca daripada wanita berpakaian 'menjolok mata'. Pada tahun 2007 pula, satu lagi insiden berlaku yang membabitkan dua anggota Parlimen, Datuk Radin Bung Mokhtar (BN-Kinabatangan) dan Datuk Mohd Said Yusuf (BN-Jasin), dengan kedua-duanya mengeluarkan kata-kata yang berbentuk seksis terhadap ahli Parlimen wanita, Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah) semasa sesi persidangan Dewan Rakyat. Kejadian berlaku semasa dewan sedang membahaskan isu kepincangan dalam penyelenggaraan bangunan yang menyebabkan bangunan Parlimen bocor setiap kali hujan lebat. Radin dan Mohd Said didakwa berkata "Mana bocor, Batu Gajah pun bocor setiap bulan". Mereka dikatakan ghairah mengeluarkan kata-kata menghina itu dan tidak mahu memohon maaf kepada Fong khususnya, dan kepada kaum wanita amnya (Jeswan Kaur, 2007). Namun demikian, tiada tindakan diambil ke atas

pemimpin lelaki yang melakukan gangguan seksual yang berbentuk gurauan atau kata-kata yang menghina kaum wanita dalam sesi persidangan parlimen dan perundangan negeri (Wan Azizah, 2002).

Berdasarkan alasan bahawa isu gender ini merupakan isu yang penting dalam masyarakat, dan tidak banyak kajian yang dibuat tentang berita yang memaparkan isu gender, maka pengkaji memilih laporan berita BERNAMA.com berkenaan pelaporan isu wanita yang melibatkan penggunaan elemen gender untuk dijadikan bahan kajian dengan membuat perbandingan antara teks selari BI dan teks selari BMn. Kajian ini memilih berita dalam talian BERNAMA.com sebagai subjek kajian berdasarkan sebab-sebab berikut:

- (a) BERNAMA merupakan agensi yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen 1967 dan merupakan satu-satunya agensi berita yang membekalkan berita dari pihak kerajaan kepada agensi berita lain.
- (b) Hampir semua akhbar tempatan melanggan berita daripada BERNAMA.
- (c) Dalam laman internetnya BERNAMA.com, terdapat berita dalam beberapa versi bahasa, iaitu bahasa Melayu, BI, BMn dan bahasa Arab.
- (d) Terjemahan berita dilakukan dalam beberapa versi bahasa yang ditawarkan.

### **1.1.1 Sejarah Perkembangan Penterjemahan di Malaysia**

Penterjemahan di Malaysia dikatakan bermula pada zaman keagungan Kerajaan Melayu Melaka dengan tergambarinya dalam peristiwa Sultan Alauddin Riayat Shah yang telah menitahkan Bendahara Tun Sri Lanang kira-kira dalam T.M. 1612 untuk membaiki kitab tua dari Goa (Mansur, 1991: 198).

Menurut Kassim (1991), semasa zaman pramoden, penterjemahan di Tanah Melayu menerima banyak pengaruh dari India dan Arab. Epik-epik atau cerita-cerita dari India dan Arab Saudi telah diterjemahkan kepada bahasa Melayu. Dari India, karya-karya yang

diterjemahkan adalah seperti Hikayat Seri Rama, Hikayat Sang Boma dan Hikayat Si Miskin; karya-karya Arab yang diterjemahkan kepada bahasa Melayu pula ialah Hikayat Iskandar Dhu'l Karnain, Hikayat Amir Hamzah dan Hikayat Bayan Budiman. Sementara itu, terdapat terjemahan kitab-kitab yang antaranya masih digunakan di Malaysia seperti Hidayatul Salikin, Bulughul Muram, Minhajul Abidin dan Matlaul Badrain. Usaha penterjemahan di Tanah Melayu mula ketara sejak zaman penjajahan British pada abad ke-19. Menurut Mansur (1991), penjajah British yang pada awalnya menganggap bahasa Melayu sebagai bahasa vernakular sahaja kemudian merasakan kepentingan bahasa Melayu untuk memudahkan mereka berinteraksi dengan ketua-ketua desa dan bagi memahami adat-istiadat orang Melayu. Selain itu, kerajaan penjajah ketika itu sekaligus cuba menyemai dan menanamkan bibit-bibit ideologi mereka kepada anak negeri melalui penyebaran ilmu pengetahuan yang berupa buku-buku cerita. Justeru mereka merasakan adalah perlu untuk menterjemahkan beberapa ilmu pengetahuan penting yang ada kaitan dengan cara pentadbiran, perundangan dan juga peraturan-peraturan bagi sesebuah negara itu supaya senang diketahui dan dipatuhi oleh anak negeri itu. Maka, pihak penjajah memulakan usaha menterjemah segala bahan yang berupa undang-undang, peraturan, hukum dan cara-cara pentadbiran British untuk diimplementasi dan disesuaikan di Tanah Melayu. Pada masa ini, Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, bapa kesusasteraan Melayu moden merupakan orang yang pertama menterjemahkan kitab injil ke bahasa Melayu. Apabila British mula mempengaruhi dalam semua aspek hidup orang Melayu, orang-orang Islam telah mengadakan reformasi pada abad ke-20. Zaman penjajahan secara tidak langsungnya telah mempopularkan bahasa Melayu dengan penggunaannya sebagai medium untuk menyalurkan ideologi dan pengetahuan undang-undang British.

Penubuhan Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa di Johor pada tahun 1888, yang diasaskan oleh Dato' Sri Amar Diraja Abdul Rahman Andak dan Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi telah menggembelngkan usaha dalam mendukung cita-cita untuk memperbanyak dan memperkaya lagi hasil karya dan buku-buku ilmu pengetahuan dalam

bahasa Melayu. Satu daripada usaha yang mereka lakukan adalah berusaha menterjemahkan seberapa banyak buku baik dalam BI mahupun dalam bahasa Arab kepada bahasa Melayu khususnya untuk kegunaan pentadbiran mahupun kegunaan umum yang kebanyakannya berkisar dalam bidang pendidikan sekolah pondok dan madrasah (Mansur, 1991: 199).

Penggunaan bahan-bahan pendidikan Barat mula dimasukkan apabila kerajaan Inggeris mula menumpukan perhatian terhadap pendidikan penduduk Tanah Melayu. Dengan penubuhan *Sultan Idris Training College* di Tanjung Malim, dan *Malay Women's Training College* di Melaka yang ditubuhkan khas untuk melatih guru-guru Melayu, sistem pendidikan Tanah Melayu turut dipertingkatkan. Banyak bahan bacaan dan pelajaran dari Barat diterjemahkan untuk memenuhi permintaan waktu itu, terutamanya buku-buku cerita dan ilmu pengetahuan. Pada awal 1930-an, Kerajaan Negeri Kedah, Johor, Kelantan dan Terengganu mula menghantar pelajar ke Mesir, Arab Saudi dan Lubnan untuk melanjutkan pengajian mereka. Menerusi majalah 'Al-Islam' dan 'Seruan Al-Azhar' pelajar-pelajar ini menambahkan lagi penterjemahan daripada bahasa Arab yang merangkumi pengetahuan am dan novel. Karya-karya terjemahan yang dihasilkan pada zaman itu adalah seperti 'Asyik dan Ma'syuk' daripada Sheikh al-Hadi dan cerita-cerita Rokambul yang disiarkan bersiri oleh akhbar 'Saudara' (Kassim, 1991: 120). Sekitar 1960-an, *Oxford University Press* menterjemahkan siri Sastera Timur dan Barat yang dikelolakan oleh Asraf Hj. Wahab. Pemilihan judul buku dalam siri ini merangkumi novel-novel yang terkenal oleh pengarang-pengarang Eropah dan Asia (Kassim, 1991).

Selepas mencapai kemerdekaan, Malaysia telah menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang awalnya dikenali sebagai Balai Pustaka pada 22 Jun 1956.¹⁶ Dengan penubuhan DBP, lebih banyak terjemahan telah dihasilkan, sama ada terjemahan buku teks, novel atau cerita-cerita. Antara terjemahan yang dihasilkan ialah Hikayat Seribu Satu Malam pada tahun 1961, Masehi dan cerita-cerita dari Tagore, Kalilah dan Daminah pada tahun 1964,

---

¹⁶ Bahan internet daripada <http://www.dbp.gov.my/lamandbp/main.php> (Tarikh capai: 11 Okt 2010).



Anak Raja Dan Anak Papa serta Ratapan Tanahair pada tahun 1965. Pada 14 September 1993, Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNM) telah ditubuhkan oleh kerajaan untuk mendorong industri terjemahan dalam negara dan menangani urusan kejurubahasaan dalam pemindahan ilmu.¹⁷ ITNM telah memainkan peranan yang penting dalam memartabatkan bahasa Melayu. Pelbagai buku dari bahasa asing telah diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan dan terdapat juga judul-judul terjemahan yang dapat dimanfaatkan oleh pelajar di sekolah. Misalnya pada laporan berita¹⁸ 22 Sep 2010, ITNM telah mengumumkan bahawa organisasi tersebut akan menerbitkan 130 tajuk bacaan tambahan tentang Sains dan Matematik daripada United Kingdom, Jerman dan Amerika Syarikat yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu pada tahun depan. Selain itu, terdapat juga institusi-institusi kecil persendirian yang ditubuhkan untuk menawarkan perkhidmatan terjemahan, misalnya Berlitz (M) Sdn Bhd, BTS World Translation (M) Sdn Bhd, Cheok Translation Centre, APP Communications Network (M) Sdn Bhd, dan lain-lain lagi. Persatuan Penterjemahan Malaysia pula merupakan satu-satunya persatuan di Malaysia yang banyak bertanggungjawab terhadap aktiviti penterjemahan, dengan ahli-ahlinya terdiri daripada penterjemah yang berkebolehan dan telah dipilih dengan teliti melalui satu jawatankuasa.

### **1.1.2 Latar Belakang Penterjemahan Teks Berita di Malaysia**

Menurut Rokiah (2000), kewujudan akhbar vernakular dalam pelbagai bahasa dan pergantungan akhbar Malaysia kepada sumber berita antarabangsa merupakan dua faktor yang menyumbang kepada praktis penterjemahan berita di Malaysia.

Memandangkan kebanyakan akhbar tempatan menghadapi kekurangan sumber dari segi kepakaran dan kewangan untuk menempatkan wartawan di agensi berita luar negara, maka

---

¹⁷ Bahan internet daripada <http://www.dbp.gov.my/lamandbp/main.php> (Tarikh capaian: 11 Okt 2010).

¹⁸ Bahan internet daripada [http://www.itnm.com.my/news/detail/itnm_to_publish_130_titles_as_additional_reading_materials_on_science/](http://www.itnm.com.my/news/detail/itnm_to_publish_130_titles_as_additional_reading_materials_on_science/) (Tarikh capai: 11 Okt 2010).

akhbar-akhbar tempatan ini terpaksa bergantung kepada agensi-agensi berita antarabangsa untuk mendapatkan berita luar negara. Terdapat juga akhbar-akhbar tempatan yang lebih kecil mendapatkan sumber berita daripada akhbar dominan di Malaysia, dan kebanyakan berita-berita yang digunakan itu akan diterjemahkan. Secara keseluruhannya, praktis penterjemahan akhbar di Malaysia termasuklah penterjemahan daripada BI kepada bahasa Melayu, BI kepada BMn atau BI kepada bahasa Tamil (Rokiah, 2000: 75).

Menurut Rokiah lagi, bilangan berita luar negara yang sesebuah akhbar tempatan peroleh bergantung kepada bilangan agensi akhbar yang dilangganinya. Biasanya lebih kurang 100 berita akan dihantar melalui talian dari agensi berita antarabangsa dalam tempoh masa 24 jam dan pemilihan berita luar negara untuk diterjemahkan adalah berdasarkan polisi akhbar tersebut. Selain itu, Rokiah turut mengemukakan satu fakta yang amat nyata dalam konteks Malaysia, iaitu kebanyakan akhbar tempatan secara langsung atau secara tidak langsung mempunyai hubungan yang rapat dengan parti pentadbir. Oleh itu, polisi sesuatu akhbar itu adalah berdasarkan polisi kerajaan Malaysia. Selaras dengan polisi itu, berita-berita dari luar negara yang bercanggah dengan budaya Malaysia atau berunsur sensitif akan digugurkan.

### **1.1.3 BERNAMA**

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen 1967. Namun, BERNAMA hanya mula beroperasi pada Mei 1968. Penubuhan BERNAMA merupakan satu usahasama antara kerajaan dan organisasi akhbar yang telah membawa transformasi dalam sejarah media Malaysia. Sebuah Majlis Penyelidikan terdiri daripada lima anggota yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong diwujudkan untuk mengawasi supaya BERNAMA berpandukan kepada peruntukan-peruntukan akta dalam melaksanakan objektif-objektifnya¹⁹. BERNAMA

---

¹⁹ Bahan internet daripada [http://www.bernama.com/aboutbernama/bm/about_bernama.htm](http://www.bernama.com/aboutbernama/bm/about_bernama.htm) (Tarikh capai: 14 Sep 2008).

dikelolakan oleh sebuah Lembaga Pengelola yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Anggota-anggota Lembaga mengandungi seorang Pengerusi, enam wakil Kerajaan Persekutuan dan enam wakil akhbar yang melanggan dengan BERNAMA. Mereka mempunyai anggota gilir masing-masing yang juga dilantik oleh Seri Paduka Baginda. Pengurusan BERNAMA diketuai seorang Pengurus Besar yang dibantu oleh sebuah Jawatankuasa Pengurusan dalam melaksanakan sebuah program dan aktiviti agensi serta keputusan-keputusan Lembaga Pengelola.²⁰ Menurut Mohd. Safar Hashim (1991), semasa memberi ucapan pelancarannya di Bangunan Parlimen pada 30 Ogos 1967, Perdana Menteri ketika itu, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj mengatakan bahawa BERNAMA tidak akan menjadi sebuah alat propaganda kerajaan. Beliau berkata: “Menggangu kebebasan akhbar adalah langkah terakhir yang akan dilakukan oleh kerajaan.” Beliau turut menyatakan bahawa kebebasan sahaja tidak mencukupi dan berpendapat kebebasan patut wujud seiringan dengan tugas dan tanggungjawab, dan BERNAMA harus tidak berat sebelah dan bertanggungjawab (Mohd. Safar Hashim, 1991). Pernyataan Tunku tentang “menggangu kebebasan akhbar adalah langkah terakhir yang akan dilakukan oleh kerajaan” memperlihatkan pengawalan dan kekangan tertentu terhadap agensi media ini dan praktis media tempatan yang lain. Selain daripada itu, tanggungjawab yang dimaksudkan berkait rapat dengan rang undang-undang tentang penubuhan BERNAMA dan juga akta-akta yang mengawal media dan percetakan di Malaysia.

BERNAMA merupakan pengedar tunggal berita luar negeri di Malaysia dan mempunyai cawangannya di setiap negeri di Malaysia. Organisasi ini juga mempunyai wartawan di Jakarta, Singapura, New Delhi, Bangkok, Beijing dan Dubai, Washington DC, Australia dan London. Perkhidmatan yang dibekalkan oleh BERNAMA termasuklah semua perkhidmatan yang diberikan oleh agensi berita luar negeri, seperti perkhidmatan berita am, ekonomi, berita bursa saham dan kewangan serta gambar foto. Agensi berita ini membekalkan berita

---

²⁰ Bahan internet daripada [http://www.bernama.com/aboutbernama/bm/about_bernama.htm](http://www.bernama.com/aboutbernama/bm/about_bernama.htm) (Tarikh capai: 7 Sep 2008).

kepada semua pelanggan akhbar. Menurut Mohd. Safar Hashim (1996), seorang bekas Ketua Pengarang BERNAMA, Ahmad Rejal Arbee berkata akhbar Mandarin banyak menggunakan berita luar negara di muka depannya sebelum BERNAMA ditubuhkan. Akan tetapi, dengan tertubuhnya BERNAMA, lebih banyak berita nasional, terutamanya berita kerajaan dan berita yang berkaitan dengan parti politik kerajaan digunakan. Laman internetnya BERNAMA.com dilancarkan pada tahun 1998 dengan versi BI dan bahasa Melayu. Kini, BERNAMA.com telah menawarkan versi bahasa Arab dan BMn. Kebanyakan akhbar, media elektronik di Malaysia dan agensi-agensi berita asing adalah pelanggan BERNAMA.²¹ Hampir semua akhbar tempatan melanggan berita-beritanya, terutama bagi berita yang dikeluarkan daripada pihak kerajaan Malaysia.

BERNAMA telah diberi kuasa oleh kerajaan pada Jun 1990 untuk menyebarkan berita di seluruh Malaysia dalam bahasa Melayu dan Inggeris. BERNAMA juga mempunyai persetujuan pertukaran berita dengan agensi-agensi berita lain, antaranya ialah Antara (Indonesia), *Organization of Asian News Agencies* (OANA), *Association of South East Asian Nations* (ASEAN), dan *Middle East News Agency*.²² BERNAMA merupakan pembekal tunggal berita luar negara dari agensi berita asing. Walau bagaimanapun, agensi berita tempatan tetap boleh mendapatkan berita luar negara dengan agensi berita asing tetapi hanya dengan melalui kontrak yang diaturkan oleh BERNAMA. Selain itu, BERNAMA juga menterjemahkan berita dari agensi berita luar negara seperti *Agence France Presse* (AFP), *U.S. Associated Press* (AP), *Italy's Inter Press Service* (IPS), *Press Trust* dari India, *Thai News Agency*, *U.S. United Press International* (UPI), *U.K. Reuters* dan lain-lain lagi. Kini, berita daripada BERNAMA juga boleh didapati dalam bentuk visual, kerana pada September 1998, agensi berita ini telah melancarkan medium berita secara audio-visualnya yang dikenali sebagai BERNAMA TV dan pada September 2007, BERNAMA telah melancarkan

---

²¹ Bahan internet daripada [http://www.bernama.com/aboutbernama/bm/about_bernama.htm](http://www.bernama.com/aboutbernama/bm/about_bernama.htm) (Tarikh capai: 14 Sep 2008).

²² Bahan internet daripada alamat <http://www.pressreference.com/Ky-Ma/Malaysia.html> (Tarikh capai: 3 Apr 2009).

radio berita 24 jam dan radio stesen bicara, Radio24. Sementara itu, pada 28 Februari 2008, BERNAMA juga melancarkan jam berita saluran-24 yang dikenali sebagai Bernamea TV, disiarkan di Astro Channel 502, menawarkan berita dalam empat bahasa - Melayu, Inggeris, Mandarin dan Tamil.

#### **1.1.4 Kajian-kajian Lepas**

Antara kajian-kajian lepas dalam bidang penterjemahan, media dan gender, beberapa kajian berikut mendapat perhatian pengkaji untuk meninjau lebih lanjut lagi teks terjemahan berita dalam media elektronik.

Rokiah (2000) telah menjalankan satu kajian bagi memenuhi pengajian kedoktoran yang bertajuk *The Translation of English News into Malay in the Malay Newspaper of Malaysia*. Kajian beliau secara amnya mengkaji fungsi berita dan strategi terjemahan, pengaruh faktor linguistik dan ekstralinguistik dalam proses menterjemahkan berita BI ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini mendapati fungsi penyuntingan adalah sebahagian daripada proses penterjemahan yang banyak mempengaruhi saiz, struktur dan isi kandungan berita yang diterjemah. Secara umumnya, kajian ini mendapati teks berita terjemahan Berita Harian memadai untuk menyampaikan mesej berita dengan tepat, padat dan objektif kepada pembaca sasaran. Walau bagaimanapun, pengkaji berpendapat kualiti berita terjemahan dapat ditingkatkan lagi dengan kaedah fungsian. Pengkaji juga mencadangkan agar kajian masa depan dilakukan dengan membuat perbandingan antara hasil terjemahan penterjemah profesional dengan penterjemah bukan profesional untuk melihat kualiti terjemahan yang dihasilkan.

Hasuria telah menjalankan kajian bertajuk 'Wacana Berita Dalam Dua Bahasa: Analisis Struktur Mikro dan Makro' pada tahun 2001. Kajian ini bertujuan untuk menampung kekosongan yang belum dipenuhi dalam bidang penterjemahan dan media di samping

mengaitkan teori-teori penulisan dengan penggunaannya yang sebenar dalam penulisan (Hasuria, 2001). Kajian ini menganalisis struktur ringkas wacana berita-berita berbahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam akhbar-akhbar tempatan, khususnya *The New Straits Times*, *The Star*, Utusan Malaysia dan Berita Harian. Berita yang dikaji melibatkan sebahagian besar berita luar negara dan berita tempatan. Kajian mendapati tiada perbezaan ketara dalam struktur makro dan struktur mikro dalam penulisan berita dua bahasa yang dikaji. Dapatan kajian ini turut mendapati tujuan penulisan dan penterjemahan mementingkan pembaca sasaran dan skopos yang dipilih sesuai dengan situasi penyaluran berita dan pembaca sasarannya. Kaedah terjemahan literal, dan komunikatif dapat menyampaikan kandungan berita walaupun terdapat juga pemindahan negatif, namun pemindahan tersebut turut memanfaatkan pembaca kerana penerangan lebih jelas diberi.

Kajian Shakila (2001) yang bertajuk *Re-reading the Media: A Stylistic Analysis of Malaysian Media Coverage of Anwar and the Reformasi Movement* bertujuan untuk meneliti bagaimana *The New Straits Times* (NST) menggambarkan suara-suara sumbang dan setakat mana NST membantu untuk menggalakkan konsensus dan pandangan dominan. Shakila telah menggunakan dua kerangka: analisis leksikal dan analisis transitiviti untuk menganalisis teks berita. Kajian mendapati NST telah melabelkan Anwar Ibrahim (bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia) dengan pelbagai gelaran pejoratif dan merendahkan Pergerakan Reformasi rakyat untuk mempraktikkan hak mereka bagi menyuarakan ketidakpuasan hati dan kekecewaan mereka terhadap negara ini. Mereka juga dilabel sebagai anti kerajaan dan anti Umno. Dari segi analisis transitiviti, kajian mendapati NST cenderung menggambarkan Anwar dan Pergerakan Reformasi sebagai pelaksana yang berfungsi sebagai agen, orang yang merasai (*senser*) atau penutur, dan beliau yang ditunjuk dalam klausa adalah lebih berkuasa. Dengan imej sedemikian, mereka telah dipaparkan sebagai penjenayah atau pemangsa yang lebih kuat dan berkuasa meskipun realiti adalah sebaliknya. Kajian menunjukkan kepentingan penggunaan bahasa dalam media untuk

melaporkan sesuatu isu sebagaimana peranan media yang perlu ada adalah bersifat objektif, bertanggungjawab terhadap masyarakat dan sebagainya.

Selain itu, Shakila pada 2007 turut menjalankan satu kajian kes *Press Coverage of Pritam Singh's Rape Case: A Case Study*. Laporan berita daripada *The Star* dan laman internet *quicklaw.com* telah dikaji tentang bagaimana perkara, perogol dan mangsa digambarkan oleh akhbar, peguambela, pendakwa dan hakim. Penelitian yang mendalam tentang laporan-laporan berita yang dikaji menunjukkan satu paradoks menarik, yang menunjukkan laporan berita telah menghasilkan semula laporan penganiayaan seks kanak-kanak dan menghalalkan beberapa mitos tentang perogolan (Shakila, 2007).

Chan (1997) cuba menggabungkan dapatan kajian-kajian lepas dan baru mengenai perbezaan berdasarkan jantina dalam pelbagai tahap struktur linguistik BMn ke dalam satu laporan tinjauan bertajuk *Gender Differences in the Chinese Language: A Preliminary Report*. Dapatan kajian lepas menunjukkan terdapat stereotaip dalam perbezaan gender dalam penghasilan ucapan, misalnya dari segi nada sebutan perkataan, tingkah laku dari segi martabat, cara bertutur dan juga perbezaan dari segi sintaksis dan penggunaan perbendaharaan kata dalam ucapan. Menurut Chan (1997), bahasa memainkan peranan yang penting dalam pembentukan dan sosialisasi peranan gender.

Yan (2008) telah menjalankan kajian bertajuk *Gender-specific Asymmetries in Chinese Language* dengan menggunakan kaedah analisis wacana kritis (CDA) sebagai kerangka teori untuk melihat BMn menyampaikan idea khusus wanita (*female-specific*) dengan khusus lelaki (*male-specific*) melalui makna linguistik. Hasil kajian mendapati masih terdapat diskriminasi linguistik dalam masyarakat Cina. Kajian turut menunjukkan ketidaksamarataan gender adalah merbahaya kerana keadaan sebegini bukan sahaja mengekalkan stereotaip peranan gender malah memperkuat lagi kecenderungan untuk memihak kepada lelaki.

### **1.1.5 Kajian Gender dan Penterjemahan**

Berdasarkan penelitian ke atas kajian-kajian lepas, tumpuan lebih diberikan terhadap keterlibatan wanita sebagai penterjemah, namun begitu kajian jarang dibuat terhadap item leksikal yang mempunyai elemen gender yang digunakan dalam terjemahan. Menurut Baker (1992), dalam kebanyakan bahasa yang mempunyai kategori gender, istilah maskulin biasanya merupakan istilah yang dominan. Perkataan feminin pula digunakan hanya untuk memberi maklumat yang khusus sahaja berbanding dengan penggunaan perkataan maskulin yang digunakan untuk dirujuk secara am. Pengguna sesuatu bahasa itu sememangnya terdiri daripada kedua-dua gender iaitu lelaki dan perempuan. Kewujudan bahasa yang berkecenderungan maskulin adalah tidak adil bagi pihak wanita yang juga pengguna bahasa secara am.

Menurut Kaplan (dalam Cameron, 1990), bahasa merupakan bentuk komunikasi manusia yang paling penting dan bahasa yang kita gunakan mengimplikasikan gender dan kelas kita. Menurut Kaplan lagi, melalui bahasa, kita mengenali siapa kita. Maka kajian tentang ilmu gender dalam penterjemahan adalah penting untuk mengkaji pembentukan bahasa yang berat sebelah dan perubahan sosial.

Selain itu, keberkesanan perubahan terhadap penggunaan bahasa neutral yang berlaku pada masa kini adalah lebih penting untuk menyedarkan masyarakat akan penggunaan bahasa bagi mencapai tahap saling menghormati antara gender yang berlainan.

### **1.1.6 Pernyataan Masalah**

Perlakuan komunikasi melibatkan sumber, mesej dan penerima. Ketiga-tiga faktor ini merupakan asas pertimbangan makna sesuatu mesej. Perkataan memainkan peranan yang penting dalam laporan berita. Hal ini kerana perkataan tidak mempunyai makna yang tepat.



Seperti yang dinyatakan oleh I. A. Richards (dalam Griffin: 2009), perkataan menyampaikan maknanya dengan mengambil kira konteks latar belakang seseorang itu. Beliau mencadangkan konteks ialah kunci kepada makna. Berita, sebagaimana fungsinya untuk memberitahu dan bersifat propaganda perlu ditulis dengan gaya yang mudah difahami tetapi dengan penggunaan leksikal atau ungkapan yang dapat menyampaikan makna mesej dengan tepat.

Selain itu, seseorang itu mungkin mempunyai pemahaman yang berbeza tentang satu objek yang sama kerana mereka membuat pertimbangan atas hubungkait diri dengan objek tersebut, kerana seseorang itu mempunyai pengalaman hidup dan pegangan yang berbeza antara satu sama lain. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis elemen leksikal atau ungkapan yang telah dipilih dalam laporan berita mengenai isu-isu wanita berdasarkan cita rasa dan konteks pembaca di Malaysia.

Di samping itu, sesebuah teks itu tidak boleh dianalisis dengan mengasingkan kesan komunikatif dan konteks, sebagaimana yang ditekankan oleh van Dijk, ideologi tidak dapat diasingkan daripada wacana (van Dijk, 1998 f; 317 dalam Macdonald, 2003). Hal ini demikian kerana ideologi sebegitu telah wujud dalam praktis sosial, terutamanya dalam struktur sesebuah institusi atau undang-undang (Macdonald, 2003: 41). Sehubungan dengan ini, di Malaysia, BERNAMA merupakan pembekal berita tunggal bagi pihak kerajaan di Malaysia dan merupakan satu badan berkanun. Oleh itu, BERNAMA mempunyai impak yang agak ketara sama ada kepada agensi itu sendiri atau media lain kerana BERNAMA merupakan satu pembekal sumber berita kepada media lain juga.

Melihat kepada usaha untuk mencapai kesaksamaan gender di Malaysia, Rancangan Malaysia Ke-9 menyatakan bahawa untuk mencapai kuota sekurang-kurangnya 30% wanita memegang jawatan dalam kategori pembuat keputusan dalam sektor awam, lebih banyak peluang akan disediakan kepada wanita untuk memegang jawatan utama dan penekanan

akan diberi untuk melantik lebih ramai wanita sebagai ahli majlis dalam pihak berkuasa tempatan.²³ Namun begitu, penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan dalam sektor awam masih kurang daripada 30%, terutamanya dalam parlimen yang mempunyai hanya lebih kurang 10% daripada 222 kerusi dalam Dewan Rakyat dan hanya 8% dalam pelbagai Dewan Undangan Negeri – kurang daripada 16% purata global (Anil Netto, 2009).

Kesaksamaan gender adalah sukar sekali dicapai apabila pemimpin-pemimpin Malaysia seperti ahli parlimen terus menggunakan bahasa seksis yang menghina kaum wanita. Pemimpin sepatutnya mempraktikkan amalan yang baik dan menjadi teladan kepada orang ramai, tetapi ramai pula tidak dapat mengelak daripada menggunakan kata-kata yang bersifat seksis, malah membenarkan perkara sedemikian berulang dalam sesi persidangan Dewan Rakyat.²⁴

Dengan meneliti kes-kes diskriminasi gender yang melibatkan ahli parlimen, hubungan pihak yang terlibat dengan pemilikan dan pengawalan media merupakan faktor yang penting, kerana diskriminasi gender adalah sesuatu perkara yang berkaitan dengan kuasa. Maka kajian ini juga akan melihat sejauh mana agensi berita ini memainkan peranannya sebagai pemerhati (*watchman*) melalui gaya laporan beritanya. Kajian ini akan dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif, iaitu analisis tekstual secara deskriptif untuk menganalisis dan mengupas teks berita dalam talian BERNAMA.com sepanjang tahun 2008 yang dipilih sebagai data kajian.

---

²³ Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010) dalam <http://www3.pmo.gov.my/RancanganWeb/Rancangan1.nsf/vAllDoc>(Tarikh capai 13 Okt 2009).

²⁴ Kes-kes diskriminasi gender yang berlaku dalam sesi persidangan Dewan Rakyat adalah seperti kes yang telah dibincangkan dalam artikel Jeswan Kaur (2007).

## **1.2 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijangka dapat mengenal pasti dan mengesan unsur yang membawa implikasi gender dalam teks berita bagi tujuan seperti berikut:

- (a) Untuk melihat setakat mana elemen gender diterjemahkan dalam penterjemahan berita daripada BI dan BMn dan impaknya dalam hasil terjemahan.
- (b) Untuk melihat sejauh mana konvensi pemberitaan BERNAMA mempengaruhi terjemahan gaya laporan berita yang mengandungi elemen gender.
- (c) Untuk melihat sama ada berlakunya berat sebelah dalam pelaporan berita tentang isu-isu wanita dan kesannya dalam teks selari yang dikaji.

## **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Berasaskan permasalahan seperti yang dinyatakan, kajian akan memberi tumpuan kepada persoalan-persoalan berikut:

- (a) Setakat manakah elemen gender diterjemahkan dalam berita daripada BI kepada BMn? Apakah impaknya terhadap hasil terjemahan?
- (b) Sejauh manakah konvensi pemberitaan BERNAMA mempengaruhi terjemahan gaya laporan berita yang mengandungi elemen gender?
- (c) Berlakukah laporan berita yang berat sebelah dalam laporan berita isu-isu wanita dalam penterjemahan yang dikaji? Sekiranya ada, apakah kesannya?

## **1.4 BIDANG KAJIAN**

Kajian ini memberi keutamaan kepada penterjemahan dalam teks selari laporan berita tentang isu wanita dalam berita talian BI dan BMn. Kajian ini merupakan satu kajian

kualitatif dan deskriptif. Tumpuan akan diberi kepada makna bagi item leksikal yang mempunyai implikasi gender dan item leksikal yang mempunyai unsur pejoratif bagi menentukan sama ada berlakunya kehilangan makna atau tidak dalam kedua-dua teks selari berita.

Kajian ini menggunakan teks selari sebagai data kajian untuk tujuan analisis. Teks selari, menurut Hatim dan Munday (2004) merupakan sama ada pasangan teks asal dengan terjemahannya ataupun pasangan teks bukan terjemahan pada subjek dalam bahasa yang berlainan. Menurut Baker (1995) dan Sinclair (1996) dalam Rusli dan Norhafizah (2001) pula, teks selari terdiri daripada teks ditulis dalam bahasa A bersama-sama terjemahannya dalam bahasa B (bahasa C ... dan bahasa n). Kajian ini juga akan memberikan tumpuan terhadap gaya penulisan berita BERNAMA yang secara langsungnya mempengaruhi sesuatu berita itu dan terjemahannya.

## **1.5 KERANGKA TEORI SECARA UMUM**

Kajian ini memanfaatkan pendekatan-pendekatan merentasi beberapa disiplin. Dalam bidang penterjemahan, pendekatan terjemahan komunikatif Newmark (1981, 1988) dan pendekatan terjemahan fungsian Nord (1997) akan digunakan untuk mengesan fungsi dan kepadanan makna dalam terjemahan berita. Sementara itu, pendekatan media oleh McQuail (2005) digunakan untuk meneliti peranan dan hubungan media khususnya berita dengan kuasa. Pendekatan penulisan dan pelaporan berita pula akan meneliti corak penulisan berita dan arah pemberitaan. Kajian ini juga memanfaatkan pendekatan media dan gender. Pendekatan penulisan berita oleh Mencher (1981), pendekatan bahasa media oleh Fowler (1991), pendekatan media dan gender McQuail (2005), teori kumpulan miut oleh Kramarae (2004) serta pendekatan tentang bahasa dan gender oleh Rider (2000) akan digunakan untuk meneliti penggunaan perkataan yang melibatkan elemen gender yang memberi kesan terhadap wanita sebagaimana yang dipaparkan dalam teks berita. Selain itu, pendekatan

terjemahan berdasarkan makna oleh Larson (1984) juga akan diaplikasikan untuk meneliti makna item leksikal yang melibatkan elemen gender serta impaknya.

Kaitan terjemahan berita dengan multidisiplin yang disebut akan dirumuskan seperti Rajah (1.1). Bidang media akan diteliti secara keseluruhan dengan pengaplikasian pendekatan media oleh McQuail (2005). Berita dalam talian akan dikhususkan kepada berita selari dalam BI dan BMn berkenaan wanita. Apabila mengkaji teks berita, pengkaji mendapati kawalan media tidak boleh diabaikan. Pemilikan sesebuah agensi berita itu dan akta-akta yang harus dipatuhi merupakan kekangan yang mesti dihadapi dan perlu dipertimbangkan tentang implikasinya terhadap hasil terjemahan berita. Di samping itu, pendekatan terjemahan Newmark (1981, 1988) dan Nord (1997) akan digunakan sepanjang analisis untuk mengesan fungsi terjemahan berita dan sama ada tujuan asal kedua-dua teks selari itu masih dikekalkan.

Item leksikal yang mempunyai elemen gender akan dianalisis berdasarkan tiga kategori, iaitu melalui analisis item leksikal yang mempunyai elemen gender, skema berita dan akhir sekali arah pemberitaan. Ketiga-tiga kategori melihatkan kerja analisis dilakukan daripada unit paling kecil dalam kajian ini, iaitu unit item leksikal sehingga kepada makna teks secara keseluruhan. Pemilihan kategori analisis ini adalah berasaskan rumusan daripada kerangka teori. Pemetaan kerangka teori menunjukkan corak pemberitaan yang memberi impak kepada hasil terjemahan amat bergantung kepada kawalan media.